



Submission date: 02/06/2024 Accepted date: 24/8/2024 Published date: 30/10/2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol31no1.571>

## **KESAMARATAAN DAN KESAKSAMAAN GENDER: KAJIAN TERHADAP MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI MALAYSIA**

### *Gender Equality and Equity: A Study in a Multi-Racial Society in Malaysia*

Nur Saadah Hamisan<sup>a</sup> & Khadijah Muda<sup>b</sup>

<sup>ab</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>a</sup>saadahkhair@usim.edu.my

#### **Abstract**

Gender equality and equity are terms that carry different meanings within Islam and the West. Therefore, this study aimed to understand the perspectives of Malaysians on gender equality and their awareness of various gender-related issues in Malaysia. Specifically, the objectives of the study are: 1) To identify the views of Malaysia's multicultural society on their understanding of the concept of gender equality, 2) To determine the extent to which informants agree with the implementation of the Gender Equality Act in Malaysia, 3) To obtain informants' opinions on the two terms: gender equality and gender equity, and 4) To assess informants' awareness of the potential impact that gender equality may have on the development of social aspects in Malaysia. The methodological approach used is qualitative, through interviews with open-ended questions conducted via Google Forms with 14 informants selected through the snowball sampling method. The informants consist of NGO activists with knowledge of gender equality and represent various ethnic groups within Malaysian citizens. The analysis results show that each informant has their own distinct perspective on the concept of gender equality, which has both positive and negative impacts on the socio-cultural aspects of a multiracial, multireligious, and multicultural country. This study has implications for policymakers, activists, and both government and non-governmental organizations in formulating gender-related policies and programs that are sensitive to Malaysia's cultural and religious diversity.

Keywords: gender equality, gender equity, gender, Malaysian study, society

### Abstrak

Kesamarataan dan kesaksamaan gender merupakan terma yang membawa maksud yang berbeza dalam konteks Islam dan Barat. Maka, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pandangan masyarakat Malaysia terhadap isu kesamarataan gender dan sikap cakna mereka terhadap beberapa isu berkaitan gender di Malaysia. Secara terperinci, objektif kajian adalah: 1) Mengetahui pandangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum memahami konsep kesamarataan gender, 2) Mengetahui sejauh mana informan bersetuju dengan pelaksanaan akta kesaksamaan gender (*Gender Equality Act*) di Malaysia, 3) Mendapatkan pandangan informan terhadap dua istilah: kesamarataan gender (*Gender Equality*) dan kesaksamaan gender (*Gender Equity*), dan 4) Mengetahui sejauh mana informan cakna terhadap impak yang boleh dibawa oleh kesamarataan gender kepada pembangunan aspek sosial di Malaysia. Kaedah metodologi menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temubual menggunakan kaedah soalan terbuka melalui *google form* kepada 14 orang informan yang dipilih secara *snowball* iaitu dalam kalangan aktivis NGO yang mempunyai pengetahuan terhadap kesamarataan gender dan terdiri daripada pelbagai kaum dalam kalangan warganegara Malaysia. Hasil analisis menunjukkan bahawa setiap informan mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap konsep kesamarataan gender yang membawa impak sama ada positif dan juga negatif terhadap aspek sosio-budaya di dalam negara yang berbilang kaum, agama dan bangsa. Kajian ini mempunyai implikasi kepada pembuat dasar, aktivis, dan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dalam merangka dasar dan program berkaitan gender serta sensitif kepada kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia.

Kata kunci: kesamarataan gender, kesaksamaan gender, gender, kajian Malaysia, masyarakat.

## PENDAHULUAN

Pada tahun 2022, jumlah populasi di Malaysia telah dianggarkan sebanyak 32.7 juta penduduk yang terdiri daripada 17 juta penduduk lelaki dan 15.7 juta penduduk wanita. Nisbah jantina bagi keseluruhan populasi ialah 109 lelaki bagi setiap 100 perempuan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Perbezaan jumlah penduduk di antara lelaki dan wanita bukan menjadi ukuran bagi kesaksamaan jantina kerana laporan yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* (2022), skor Indeks Jurang Jantina Global bagi negara Malaysia pada tahun 2022 adalah 0.681.

Malaysia berada pada kedudukan yang agak rendah iaitu di posisi ke-103 daripada 146 negara dalam Indeks Jurang Jantina Global. Namun kedudukan ini menaik berbanding posisi ke-112 pada tahun 2021. Indeks tersebut diukur berdasarkan empat aspek iaitu pencapaian pendidikan, penyertaan dan peluang dalam sektor ekonomi, kesihatan, dan kelangsungan hidup, serta pemeraksanaan dalam bidang politik yang melibatkan kedua-dua lelaki dan wanita. Walaupun Malaysia mempunyai jurang gender terbesar di Asia Tenggara, namun kesaksamaan gender di Malaysia masih lebih tinggi daripada negara-negara Asia lain seperti Jepun, India, dan Turki (World Economic Forum, 2022). Kedudukan Malaysia semakin meningkat pada setiap tahun.

Di Malaysia, tanggungjawab domestik kebiasaannya ditentukan oleh peranan gender seperti mana yang diamalkan oleh negara Asia yang lain (Abdullah, Noor, & Wok, 2008). Golongan wanita mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan tugas rumah tangga dan menjaga anak-anak, sementara kaum lelaki mempunyai peranan utama sebagai ketua keluarga dan mencari nafkah. Kepercayaan ini telah dipraktikkan selama beberapa generasi, tetapi terdapat perubahan yang berlaku secara beransur-ansur di mana wanita melakukan pekerjaan lelaki dan sebaliknya. Walaupun begitu, pemisahan peranan gender sangat dipengaruhi oleh budaya patriarki di mana lelaki mendominasi dalam banyak aspek, malah chauvinisme dalam kalangan masyarakat masih wujud dan menjadi amalan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung (Othman, 2006).

Oleh yang demikian, perjuangan yang menyokong konsep 'kesamarataan gender' (*gender equality*) masih diteruskan sehingga kini walaupun telah lama diperjuangkan sejak kurun ke-17 dan menjadi popular selepas Revolusi Perancis pada tahun 1789. Istilah '*equality*' itu sendiri berasal dari bahasa Perancis iaitu '*égalité*' dan kemudian menjadi *egalitarianism* atau *equalitarianism* yang merujuk kepada 'doktrin bahawa semua orang sama dan berhak mendapat hak dan peluang yang sama.' Pada akhir abad ke-18, definisi 'kesamarataan gender' menjadi kontroversi apabila berlakunya pengisytiharan terhadap hak-hak wanita di Eropah Barat, tetapi konsep ini telah diakui secara universal oleh Olympe de Gouges yang percaya bahawa kedua-dua lelaki dan wanita mesti mendapat hak dan undang-undang yang sama. Begitu juga, Mary Wollstonecraft yang menulis *Vindication of the Rights of Women* juga menyifatkan 'kesamarataan gender' sebagai hak universal (Stanton, 2020). Pada abad ke-21, definisi umum bagi 'kesamarataan gender' telah diterima pakai oleh organisasi antara kerajaan, bermula dengan *Declaration on the Equality of Women* (1975) dan *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) pada tahun 1979 (Kurzman et al., 2019).

Menurut UNICEF (2017), kesamarataan gender boleh didefinisikan sebagai konsep bahawa wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan lelaki mempunyai keadaan, layanan dan peluang yang sama untuk merealisasikan potensi penuh mereka, hak asasi manusia dan maruah, dan untuk menyumbang kepada (dan

mendapat manfaat daripada) pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan politik. Ia menjadi perjuangan bagi kumpulan hak wanita yang dikaitkan dengan gelombang feminisme pertama dan kedua untuk mewujudkan kesaksamaan gender sebagai hak asasi manusia. Indeks pembangunan berkaitan jantina (GDI), indeks jurang jantina dan indeks ekuiti jantina merupakan ukuran kesaksamaan jantina yang dinilai berdasarkan negara (Abendroth, 2014).

Dalam melaksanakan kesamarataan gender, terdapat usaha yang dijalankan oleh beberapa gerakan wanita untuk memperkenalkan Akta Kesaksamaan Gender atau juga dikenali sebagai *Gender Equality Act* (GEA). Cadangan yang telah dimulakan sejak tahun 2006, akta ini telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada akhir tahun 2018 apabila kerajaan baru memenangi pilihan raya umum ke-14 (Bernama, 2018). Dalam pada masa yang sama, *Women's Aid Organisation* (WAO) telah mendesak agar tindakan tersebut segera dilaksanakan kerana mereka mendapati bahawa wanita akan terkesan sekiranya akta tersebut masih ditunda tanpa kata putus oleh kerajaan (The Sun Daily, 2018). Walaupun terdapat beberapa petunjuk bahawa Akta Kesaksamaan Gender akan dilancarkan pada tahun 2020 (Bernama, 2019), tetapi masih tiada keputusan dan akta ini masih belum dilaksanakan di Malaysia.

Namun demikian, terdapat hujah mengatakan akta yang dicadangkan itu perlu dibina mengikut nilai-nilai Islam supaya tidak bertentangan dengan amalan budaya di Malaysia. Presiden Perikatan Wanita Antarabangsa untuk Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ) mencadangkan agar GEA digubal secara lebih komprehensif supaya ia tidak menjejaskan Islam mahupun Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ainul Iliya, 2018). Beberapa pihak, seperti ahli akademik dan organisasi bukan kerajaan telah memberi maklum balas positif terhadap cadangan tersebut kerana GEA cuba mengiktiraf transgender sebagai jantina ketiga, yang bertentangan dengan prinsip Islam. Bukan itu sahaja, terdapat fasal-fasal yang disebut dalam GEA yang bercanggah dengan adat, agama dan budaya yang diamalkan di Malaysia. Beberapa cadangan telah dicadangkan untuk mengambil contoh GEA dari negara lain seperti Maldives (Mokhtar, 2018), Thailand, Maghribi dan Albania. Malah, terdapat kebimbangan yang tinggi sekiranya prinsip agama tidak dimasukkan dalam penggubalan undang-undang.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut: Pertama, mengenal pasti pandangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dalam memahami kesamarataan gender. Kedua, mengetahui sejauh mana informan bersetuju dengan kewujudan Akta Kesaksamaan Gender (*Gender Equality Act*) di Malaysia. Ketiga, mendapatkan pandangan informan terhadap dua istilah: kesamarataan gender (*Gender Equality*) dan kesaksamaan gender (*Gender Equity*). Keempat, mengetahui sejauh mana informan cakna terhadap impak yang boleh dibawa oleh kesamarataan gender kepada pembangunan aspek sosial di Malaysia.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian berkaitan gender di Malaysia bukan merupakan isu baharu tetapi telah dibincangkan secara mendalam di dalam pelbagai bidang dan lapangan. Khususnya kesamarataan gender atau *gender equality*, ia menjadi sebuah perjuangan sejak pada abad ke-19 di mana para feminis cuba menuntut hak yang sama rata di antara lelaki dan wanita. Pandangan Barat terhadap konsep ini juga sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran dan gerakan wanita di Malaysia yang cuba menegakkan agar tanggungjawab, hak dan peluang seseorang tidak bergantung sama ada mereka dilahirkan sebagai lelaki atau wanita. Semua individu adalah sama dan perlu mendapat layanan yang sama rata.

Oleh kerana isu kesamarataan gender ini bukan perkara asing bagi rakyat Malaysia, ia telah dianalisis secara meluas di dalam banyak kajian penyelidikan di pelbagai peringkat. Menurut Azlina Abdullah (2012), literatur berkaitan gender dan wanita telah dibangunkan sejak akhir abad ke-20 sama ada mendapat pembiayaan oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Kajian yang dijalankan adalah merangkumi peranan wanita di dalam dan luar institusi keluarga, kepemimpinan wanita, sumbangan wanita, serta pelbagai dimensi persoalan gender yang masih lagi menjadi topik hangat mengikut isu dan konteks semasa. Tambahan itu, kajian dalam tempoh sepuluh tahun terkebelakang ini lebih tertumpu kepada aspek yang diukur dalam Indeks Jurang Jantina Global iaitu kesamarataan dalam aspek pendidikan, ekonomi, kesihatan, dan juga politik.

Pada tahun 1980an, tiada jurang yang ketara di antara lelaki dan wanita dalam aspek pendidikan (Milanovic, 2006). Namun demikian, terdapat jurang antara kedua-dua jantina dalam jumlah kemasukan pelajar ke universiti bermula pada awal abad ke-21, tetapi jurang tersebut lebih jelas terjadi di kebanyakan IPTA berbanding IPTS di Malaysia. Bidang kajian pengajian juga mempunyai jurang kerana wanita melebihi jumlah lelaki dalam kebanyakan bidang termasuklah bidang matematik dan sains (Tienxhi, 2017). Begitu juga, jumlah guru dalam kalangan wanita adalah lebih ramai berbanding kaum lelaki (Christina & Fredelis, 2010).

Manakala di dalam sektor ekonomi, tidak dinafikan bahawa kaum lelaki lebih banyak menyumbang tenaga berbanding kaum wanita. Tetapi menariknya, terdapat kajian yang menemukan bahawa penyertaan wanita Melayu dalam aktiviti ekonomi telah bermula sejak zaman kesultanan Melayu lagi. Wanita pada zaman itu bukan sahaja terlibat dalam ekonomi pertanian, tetapi juga dalam bidang perniagaan dan perdagangan (Nordin, Rahlah & Siti Fathihah, 2012). Sehingga kini, wanita masih bersaing untuk maju dalam aspek ekonomi, termasuklah sosio-ekonomi kerana diskriminasi masih wujud dalam kebanyakan sektor pekerjaan apabila terdapat cabaran yang perlu dihadapi seperti perbezaan gaji, peluang kenaikan pangkat, faktor sosialisasi, pembahagian masa di antara kerjaya dan keluarga, cabaran persekitaran, dan lain-lain (Zaiton & Nooraini, 2015; WAO, 2020; Rahmawati et al., 2021).

Tambahan itu, walaupun wanita telah menceburi pelbagai bidang pekerjaan yang pernah didominasi lelaki, jumlah wanita yang memegang jawatan tertinggi parti, pembuat dasar dan barisan kabinet menteri masih rendah. Kemampuan wanita dalam aspek kepimpinan politik masih dipersoalkan dengan kewujudan persepsi bahawa kaum lelaki lebih superior dan ketidaksetaraan masih wujud dalam sistem politik di Malaysia (Nor Rafidah, Sity & Mohd Samsudin, 2017). Penglibatan wanita dalam politik menunjukkan peningkatan pada tahun 2022 dengan 33 kerusi bagi ahli parlimen wanita bersamaan 14.86 peratus daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi parlimen, tetapi jumlah ini masih dalam tahap yang rendah (Bernama, 2022).

Pada abad ke-21, terdapat keperluan yang besar bagi kaum wanita untuk menceburi pelbagai bidang sama ada ia didominasi oleh kaum lelaki atau pun tidak. Mahupun begitu, usaha dalam merapatkan jurang gender di Malaysia tidak seharusnya dipengaruhi oleh agenda feminis. Dalam teori feminisme, kesamarataan gender hanya boleh dicapai apabila jurang perbezaan antara wanita dan lelaki dalam aspek ekonomi, sosial dan politik dapat dihapuskan (Tong & Botts, 2017). Hal ini perlu diteliti semula dengan melihat kemampuan dan kesesuaian selari dengan tuntutan agama dan budaya, tanpa mengorbankan pandangan bahawa tidak semua yang sama-rata itu membawa maksud adil. Oleh sebab itu, indeks bagi jurang jantina di Malaysia boleh ditambah-baik secara saksama dan adil dengan meningkatkan ilmu terlebih dahulu serta memberi kesedaran bahawa wanita dan lelaki boleh bersaing secara sihat dan memerlukan antara satu sama lain dalam semua aspek.

Pusat Penyelidikan Undian UCSI telah melaporkan bahawa kesedaran mengenai kesamarataan jantina semakin meningkat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hasil kajian menemukan 53 peratus responden daripada 544 orang responden yang terlibat bersetuju lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama, tetapi 72 peratus bersetuju pernah berdepan atau menyaksikan ketidaksetaraan jantina di rumah, sekolah, tempat kerja dan sebagainya (Muhammad Hamnan, 2022). Ini membuktikan bahawa diskriminasi gender masih wujud sama ada dihadapi oleh kaum wanita mahupun lelaki, dan ia memerlukan proses yang panjang untuk membentuk kesedaran bahawa hak setiap individu perlu dihormati dan kewujudan diskriminasi hanya memberi impak negatif kepada pembangunan negara.

Kesamarataan gender juga menjadi salah satu matlamat dalam pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang merupakan inisiatif daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (United Nations, 2015). Matlamat kelima SDG menekankan bahawa konsep kesamarataan tidak semestinya melibatkan masalah mencapai taraf dan kedudukan yang sama di antara lelaki dan wanita. Namun, ia bertujuan untuk pencapaian peranan yang sama, bagi mengurangkan kadar perbezaan jantina dalam penyertaan pembangunan negara

(Husein, Herdiansyah, dan Putri, 2021). Usaha yang memperkukuhkan penglibatan lelaki dan wanita dalam pembangunan negara tidak seharusnya menjadi masalah selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran agama (Nur Saadah et al., 2021).

Walaupun demikian, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kecelaruan pemikiran terhadap konsep kesamarataan gender. Antaranya adalah kekurangan pendidikan agama yang mendakwa bahawa Islam cuba menyekat hak dan peranan wanita, penyebaran maklumat yang salah tentang amalan yang bersandarkan agama, pertembungan budaya dan amalan masyarakat setempat, serta pengaruh media yang mengangkat martabat wanita di luaran yang bertentangan dengan agama (Abur Hamdi & Nurhidayah, 2020). Hal ini boleh diselesaikan melalui peranan agensi kerajaan, institusi pendidikan, masyarakat yang berbilang kaum dan agama, serta setiap ahli keluarga untuk meletakkan keadilan sebagai neraca bagi menegakkan hak sama ada hak lelaki mahupun wanita.

Hakikatnya, Islam telah memperkenalkan konsep keadilan gender dan penghormatan terhadap wanita lebih awal berbanding ideologi Barat khasnya feminisme yang mempertahankan hak wanita tetapi dalam masa yang sama menimbulkan lebih banyak kecelaruan pemikiran dalam kalangan masyarakat (Khalif Muammar & Adibah, 2019). Islam mengiktiraf bahawa lelaki dan wanita adalah berbeza secara biologi dan mempunyai peranan masing-masing, namun perbezaan mereka tidak bermaksud salah satunya lebih baik ke atas yang lain dan tidak semua yang diberikan secara sama rata itu membawa maksud adil (Nadzrah Ahmad & M. H. Ishak, 2018; Afroz, 2018).

Namun demikian, terdapat perbezaan di antara Barat dan Islam dalam memahami konsep 'kesamarataan gender'. Sebagai contoh, Imam al-Ghazali dan para ilmuan Islam memahami '*equality*' sebagai '*justice*' iaitu apabila diterjemahkan ke bahasa Arab, ia merujuk kepada istilah '*al-'adl*' (keadilan) yang bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Ia berbeza dengan konsep '*equality*' yang dimaksudkan sebagai 'sameness' untuk menyamaratakan lelaki dan wanita seperti yang cuba diperjuangkan oleh sarjana Barat. Dengan erti kata lain, Islam tidak mengiktiraf istilah kesamarataan gender yang merujuk kepada "kesamaan hak" (Arafa & El-Ashry, 2018) kerana terdapat perbezaan yang jelas di antara lelaki dan wanita. Walaupun Islam menekankan beberapa kali bahawa semua orang adalah sama dan layak mendapat hak yang sama, ia tidak bermaksud bahawa persamaan tersebut perlu diberikan melangkaui perbezaan biologi, fisiologi, psikologi, dan pelbagai lagi perbezaan yang tidak wajar dinafikan wujud di antara lelaki dan wanita.

Justeru, terdapat pandangan yang mengatakan bahawa istilah kesaksamaan gender atau '*gender equity*' lebih sesuai dan relevan kerana persamaan yang ditujukan merujuk kepada kesaksamaan dan bukannya kesamaan (Bayefsky, 2018). Menurut Jamal Badawi (1995), prinsip 'kesaksamaan gender' dapat dicapai melalui

aspek kerohanian, ekonomi, dan sosial, seperti yang telah diketengahkan dalam Al-Quran dan juga Hadis Nabi.

Oleh itu, kesamarataan gender yang bersandarkan kepentingan sesuatu pihak sahaja tidak mampu memberi impak yang besar. Ia perlu disertai dengan konsep adil yang meletakkan sesuatu pada tempatnya dan dilaksanakan secara saksama. Pemahaman mengenai hak kesamarataan dan kesaksamaan yang meluas pada masa kini masih bersandarkan kepada kesetaraan liberal yang berpandangan bahawa perkara yang serupa harus diperlakukan sama. Maksud bagi sama di antara lelaki dan wanita masih dijadikan perdebatan, walaupun hakikatnya terdapat perbezaan yang ketara dalam penciptaan dan peranan lelaki dan wanita dari sudut yang pelbagai.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui soalan terbuka terhadap informan yang dipilih secara *snowball*. Sampel informan yang dipilih adalah dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terlibat sebagai aktivis NGO dan mempunyai pengalaman sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan kajian gender di Malaysia. Sampel terdiri daripada 14 orang rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai latar belakang pekerjaan, pelbagai kaum, usia dan jantina. Kriteria pemilihan informan adalah berdasarkan 1) perbezaan etnik, dan 2) mempunyai pengalaman berkaitan kajian gender.

Kelompok ini dipilih bagi mengetahui sejauh mana masyarakat berbilang kaum mempunyai pandangan terhadap konsep kesamarataan gender yang diamalkan di negara ini. Ini adalah kerana konsep gender itu sendiri dibina berdasarkan kepercayaan, adat, budaya, nilai, norma, bangsa dan agama (Nur Azwani, 2020). Kepelbagaian latar belakang dan bangsa bagi setiap informan adalah signifikan bagi mengiktiraf kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia serta memahami bahawa perbezaan mereka mungkin menyumbang kepada pengetahuan dan persepsi terhadap isu gender.

Kaedah pengumpulan data adalah secara atas talian menggunakan ‘Google Form’ dan soalan yang diberikan berbentuk terbuka (*open-ended*) di dalam dwibahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris) bagi memudahkan informan menjawab soalan mengikut pilihan masing-masing. Data yang dikumpul ditranskripsi dan dikodkan serta disusun mengikut tema secara manual. Tema-tema ini ditentukan berdasarkan objektif kajian, dan persetujuan ahli penyelidik yang mempunyai kepakaran dalam bidang kesamarataan gender dan perpaduan kaum.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil kajian ini diperolehi daripada temubual dengan informan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Sebelas orang



informan terdiri daripada informan yang berusia dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 63 tahun. Mengenai etnik informan, lima daripadanya berbangsa Melayu, empat orang daripada bangsa Cina, tiga orang berbangsa India, dan seorang daripada Bumiputera bukan Melayu yang berasal dari Sabah. Kebanyakan informan adalah perempuan, hanya tiga orang informan lelaki dalam kajian ini. Pekerjaan mereka terdiri daripada pelajar, polis, pekerja sosial, pegawai NGO, pembanci, pakar, doktor, dan pembantu pembangunan dan masyarakat.

Jadual 1: Maklumat Informan

Informan	Umur	Gender	Bangsa	Pekerjaan
A	24	Perempuan	Melayu	Pegawai Polis
B	21	Perempuan	Melayu	Pelajar
C	34	Perempuan	Melayu	Peguan
D	22	Perempuan	Melayu	Pekerja sosial
E	47	Perempuan	Melayu	Pegawai NGO
F	24	Lelaki	Melayu	Pembanci
G	39	Perempuan	Cina	Pembantu Pembangunan Masyarakat
H	29	Perempuan	Cina	Doktor
I	35	Lelaki	Cina	Pekerja sosial
J	28	Lelaki	Cina	Pelajar
K	29	Perempuan	India	Pekerja sosial
L	25	Perempuan	India	Pekerja sosial
M	26	Perempuan	India	Pegawai Komuniti
N	63	Perempuan	Bumiputera bukan Melayu	Pakar Gender dan Pembangunan

Melalui jawapan yang diperolehi oleh semua informan yang mempunyai pelbagai latar belakang, kajian ini menemukan jawapan bagi menjawab objektif kajian iaitu kefahaman masyarakat Malaysia yang berbilang kaum berkenaan kesamarataan gender, pandangan terhadap kewujudan akta kesaksamaan gender (*Gender Equality Act*) di Malaysia, pandangan terhadap dua istilah: kesamarataan gender (*Gender Equality*) dan kesaksamaan gender (*Gender Equity*), dan impak yang boleh dibawa oleh kesamarataan gender kepada pembangunan aspek sosial di Malaysia.

### Kefahaman tentang Kesamarataan Gender

Secara keseluruhannya, semua informan tahu apa yang dimaksudkan oleh kesamarataan gender namun boleh dikategorikan sebagai pengetahuan yang tidak

mendalam. Hasil daripada analisis ringkas ini, kesamarataan gender yang difahami oleh informan boleh dihuraikan seperti berikut:

Pertama, pemberian hak yang sama kepada lelaki dan wanita. Bagi informan G, peluang dan layanan yang sama perlu diberikan tanpa mengira latar belakang jantina mahupun perbezaan lain seperti bangsa, bahasa dan agama. Jawapan daripada informan G adalah:

“Kesamarataan gender adalah peluang kepada rakyat tidak kira jantina untuk menikmati segala kemudahan, peluang pekerjaan dan lain-lain peluang yang sama rata kepada semua rakyat.”  
(Informan G)

Jawapan informan G turut selari dengan informan B, D dan K iaitu lelaki dan wanita berhak memperoleh peluang dan hak yang sama rata.

Kedua, kesamarataan gender adalah konsep yang merujuk kepada tiada diskiriminasi dan ketidakadilan terhadap gender. Ia adalah sebagaimana jawapan informan D dan H iaitu:

“Tiada diskriminasi terhadap kedua-dua jantina.” (Informan D)

*“It is important to be unbiass towards any gender.”* (Informan H)

Ketiga, kesamarataan gender merupakan keperluan dalam kehidupan manusia dan menjadi tuntutan dalam menjaga hak asasi manusia. Informan E dan H berpandangan seperti berikut:

*“It is necessary in every aspect of life.”* (Informan E)

“Satu Hak Asasi Manusia.” (Informan N)

Pandangan ini menyokong ideologi feminisme terutama pada kemunculan awalnya untuk mewujudkan kesamarataan gender sebagai hak asasi manusia. Ia juga selari dengan konsep yang digunakan dalam Pengisytiharaan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) yang memperuntukkan bahawa setiap manusia berhak mendapat semua hak dan kebebasan tanpa membezakan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, fahaman politik, asal-usul keturunan atau sosial harta-benda, kelahiran, atau apa-apa taraf lain. Fahaman ini penting bagi memastikan bahawa hak asasi manusia dapat dipelihara tanpa ada perbezaan, diskriminasi, pengecualian, atau sekatan di antara lelaki dan wanita (Fredman & Goldblatt, 2015).

Keempat, kesamarataan gender adalah sebuah tuntutan bagi menyamaratakan lelaki dan wanita yang tidak berbeza atas dasar biologi yang berbeza. Ini merupakan pandangan yang dilontarkan oleh informan C seperti berikut:

“Ideologi yang merendahkan keupayaan wanita dan lelaki berdasarkan fahaman kononnya biologi tidak membezakan di antara kedua jantina ini.” (Informan C)

Pandangan ini boleh difahami sebagai kritikan terhadap konsep kesamarataan gender yang diperjuangkan oleh feminis kerana perjuangan mereka adalah dengan menuntut hak yang sama rata di antara lelaki dan wanita. Gerakan feminis seperti Sisters in Islam (SIS) menolak poligami kerana ia merupakan amalan yang tidak adil buat kaum wanita. Ini adalah kerana poligami hanya boleh dilakukan oleh kaum lelaki, malah menyumbang kepada masalah sosial yang menyebabkan keretakan rumahtangga dan pengabaian hak anak (Fatin Nabillah, Hasanah, Zulkefli, 2018). Tambahan itu, fahaman liberal yang menyokong bahawa biologi bukan faktor utama dalam membezakan lelaki dan wanita memberi impak yang lebih besar apabila istilah ‘gender ketiga’ mahu diperkenalkan secara meluas dalam masyarakat.

Melalui perbezaan pandangan terhadap konsep kesamarataan gender, pembentukan kefahaman tersebut boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah latar belakang informan yang terdiri daripada pelbagai agama dan etnik, serta latar belakang keluarga dan pendidikan yang berkemungkinan mempengaruhi cara berfikir dan tindak balas terhadap isu berkaitan gender. Dalam kajian yang dilakukan oleh Abur Hamdi Usman dan Nurhidayah Ramlee (2020), budaya dan amalan masyarakat setempat juga menjadi salah satu faktor penting dalam menuntut hak sama rata di antara lelaki dan wanita. Penindasan yang berlaku ke atas wanita menyebabkan rasa tidak puas hati, lalu mengkritik amalan tersebut sehingga menjejaskan pandangan mereka terhadap sumber agama. Pertembungan di antara budaya dan agama juga mengelirukan masyarakat, dan ini membuka peluang beberapa pihak untuk mengambil kesempatan untuk menyuntik ideologi baru yang bertentangan dengan amalan yang dipraktikkan di negara ini.

Namun demikian, isu diskriminasi gender yang berlaku di Malaysia berpunca daripada gabungan faktor budaya, institusi, dan kadangkala kaum, namun ia lebih didorong oleh pandangan budaya tradisional berbanding isu perkauman. Faktor budaya merangkumi kepercayaan tradisional yang mengukuhkan peranan wanita sebagai penjaga dan penyokong, sekaligus menghadkan penyertaan mereka dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan. Halangan institusi pula wujud melalui kerangka undang-undang, struktur tempat kerja, dan sistem pendidikan yang mencerminkan bias jantina (CEDAW, 2004). Walaupun diskriminasi berdasarkan kaum wujud, ia biasanya tidak berkaitan langsung dengan diskriminasi gender,

kecuali dalam komuniti tertentu yang lebih konservatif. Justeru, faktor budaya dan institusi adalah pendorong utama diskriminasi gender di Malaysia, dengan faktor kaum yang hanya memainkan peranan kecil.

### **Keperluan Akta Kesamarataan Gender di Malaysia**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat beberapa tuntutan yang menyokong terhadap implementasi Akta Kesamarataan Gender di Malaysia. Melalui temubual ringkas, terdapat enam (6) orang informan yang tidak mempunyai pengetahuan berkenaan Akta Kesamarataan Gender. Manakala sebelas orang (11) informan menyatakan bahawa mereka mengetahui akta ini. Sembilan (9) daripada mereka bersetuju, manakala dua (2) daripada mereka tidak bersetuju jika Akta ini dipraktikkan di Malaysia. Informan H dan M bersetuju kerana ia dapat memberi peluang kepada semua pihak untuk sama-sama membangunkan negara dan tiada diskriminasi gender sebagai mana berikut:

“Setuju. Ini kerana, ia dapat membuka peluang kepada semua tidak kira apapun jantina dalam kita sama-sama untuk membangunkan negara menuju ke arah negara yang lebih berdaya saing dari segi ekonomi.” (Informan F)

“Setuju, kerana Perlembagaan Malaysia telah menyatakan bahawa tiada diskriminasi berdasarkan gender, juga keadilan untuk 50% penduduk Malaysia iaitu kaum wanita dan kini tidak ada suara dalam pengubalan dasar dan undang-undang negeri dan negara.” (Informan M)

Walaupun begitu, informan B tidak bersetuju dengan menyatakan bahawa kedudukan golongan LGBT tidak perlu diiktiraf seperti mana yang cuba diusahakan dalam Akta Kesamarataan Gender. Tambahan itu, informan C juga mengatakan bahawa beliau tidak bersetuju dengan bentuk asal akta yang telah dicadangkan oleh *The Joint Action Group for Gender Equality* (JAG). Jawapan informan B dan C adalah seperti berikut:

“Tidak setuju, Ini kerana kita akan mengiktiraf kedudukan golongan LGBT. Pengiktirafan ini bercanggah dengan komposisi masyarakat majoriti di Malaysia yang beragama Islam.” (Informan B)

“Tidak setuju dalam bentuk asal yang dicadangkan oleh JAG.” (Informan C)

Menurut JAG, Akta Kesamarataan Gender atau dikenali sebagai *Gender Equality Act* (GEA) adalah sebuah akta yang menentang diskriminasi jantina dan memudahkan pelaksanaan kesaksamaan jantina, serta mengesyorkan bahawa dasar gender kebangsaan dibangunkan, dan disepadukan dengan rancangan pembangunan dan belanjawan keseluruhan (WAO, 2017). Ia cuba dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), yang diselaraskan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, pelaksanaan GEA mendapat kritikan apabila takrifan gender mengikut perkembangan zaman dan pembinaan sosial (*social construct*) dengan bersetuju dengan kewujudan gender ketiga seperti: transgender (*transman, transwoman*), *gender fluidity* (boleh bertukar menjadi lelaki dan wanita), *non-binary* (tidak menjadi lelaki dan bukan wanita) dan *queer* (yang pelik, selain dari yang atas) (Mokhtar, 2021).

Pengiktirafan transgender sebagai jantina ketiga bukan sahaja bertentangan dengan prinsip Islam, tetapi juga bercanggah dengan adat, agama dan budaya yang diamalkan di Malaysia. Tidak dinafikan bahawa amalan bagi kesamarataan gender masih boleh dicapai walaupun akta ini tidak dilaksanakan. Terdapat lagi beberapa akta yang dicadangkan oleh Badan Kerajaan dan Bukan Kerajaan dan memperkasakan kaum wanita dan memastikan agar diskriminasi gender boleh dihapuskan demi keharmonian masyarakat.

### **Perbandingan di antara Kesamarataan Gender dan Kesaksamaan Gender**

Kajian ini juga cuba menganalisis pandangan informan terhadap dua konsep yang hampir sama tetapi boleh merujuk kepada makna yang berbeza iaitu 'kesamarataan gender' dan 'kesaksamaan gender'. Melalui soalan yang diajukan, terdapat dua (2) orang informan sahaja yang menyatakan bahawa istilah 'kesamarataan gender' dan 'kesaksamaan gender' membawa maksud yang sama. Majoriti informan yang lain bersetuju bahawa dua istilah ini membawa maksud yang berbeza. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh informan B, C, F dan I:

“Saksama bermakna setiap gender diberikan hak yang sepatutnya dinikmati mereka berdasarkan kemampuan.” (Informan B)

“*Equity* mengambil kira perbezaan dan menyerlah manfaat dan faedah berdasarkan keperluan atau kebolehan.” (Informan C)

“Kesaksamaan gender sesuai diaplikasi kerana memberi maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya ataupun adil. Adakah sesuai perempuan dikerah untuk mengangkut pasir berat, menjadi buruh binaan sedangkan perkara tersebut membebankan fizikal mereka?” (Informan F)

*“Gender equity implies that every gender is totally equal in every aspect, in terms of ability, physical features and role. It is unfair and inappropriate if we apply/ enforce strong gender equity without considering the actual different between gender.”*  
(Informan I)

Kesemua pandangan ini bersetuju bahawa ‘kesamarataan gender’ adalah berbeza dengan ‘kesaksamaan gender’ walaupun ianya hampir sama. Menurut UNICEF (2017) kesamarataan gender (*gender equality*) ialah sebuah “konsep yang merujuk kepada keadaan di mana wanita dan lelaki mempunyai syarat, layanan, dan peluang yang sama ... Ia tidak bermaksud bahawa lelaki dan wanita akan menjadi serupa, tetapi hak, tanggungjawab, dan peluang mereka tidak bergantung pada jantina mereka.” Manakala, kesaksamaan gender (*gender equity*) ialah “proses untuk berlaku adil kepada lelaki dan wanita dengan memastikan semua pihak mempunyai peluang yang sama, bukan sahaja di titik permulaan, tetapi juga apabila sampai ke garisan penamat. Ia adalah mengenai layanan adil dan saksama kedua-dua jantina yang mengambil kira keperluan berbeza lelaki dan wanita, halangan budaya dan diskriminasi (masa lalu) bagi kumpulan tertentu” (UNICEF, 2017). Definisi tersebut menunjukkan bahawa jika kesamarataan gender adalah matlamat akhir, kesaksamaan gender adalah cara menuju ke matlamat tersebut (Pipepline Equity, 2018).

Walaupun terdapat pelbagai pandangan terhadap dua istilah ini, namun tidak dinafikan bahawa kedua-dua kesamarataan dan kesaksamaan gender telah dipraktikkan di dalam Islam (A. Harris & Muhtar, 2019; R. Abdullah et al., 2015; Abidin, 2017; Siraj, 2015). Al-Quran telah menyatakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama sebagai hamba dan semua perbuatan mereka tidak dinilai berdasarkan jantina. Namun, bagi menjalankan peranan yang pelbagai, terdapat juga perbezaan di antara lelaki dan wanita, tetapi perbezaan yang wujud melibatkan biologi, fitrah, kemampuan dan abiliti yang bukan disebabkan jantina semata-mata. Justeru, kedua-dua jantina tidak perlu menjadi sama, tetapi hak, tanggungjawab dan peluang yang diberikan kepada mereka perlu diberikan secara adil dan saksama tanpa sikap prejudis dan diskriminasi terhadap mana-mana jantina.

Kajian ini percaya bahawa istilah ‘kesamarataan gender’ dan ‘kesaksamaan gender’ merupakan istilah yang luarannya nampak berbeza tetapi merupakan proses yang saling berkaitan di antara satu sama lain, selagi mana tujuan asalnya tidak bertentangan dengan syariat Islam. Menurut Prof. Harlina Siraj (2015), kesaksamaan gender yang diperlukan dalam konteks pembangunan seringkali memerlukan langkah strategik untuk mengimbangi ketidakadilan yang berlaku ke atas wanita, akibat penindasan yang telah lama wujud melalui amalan tradisional dan norma masyarakat.

## **Impak Kesamarataan Gender Terhadap Pembangunan Aspek Sosial**

Objektif terakhir yang perlu dicapai adalah dengan mendapatkan pandangan informan terhadap impak kesamarataan gender dalam aspek sosial yang menjadi asas hidup bermasyarakat di Malaysia. Melalui hasil temubual yang diperolehi, terdapat tujuh (7) orang informan yang bersetuju bahawa impak yang dihasilkan oleh konsep kesamarataan gender adalah berbentuk positif. Mereka berpandangan bahawa:

“Isu dera wanita, isu gangguan seksual terhadap wanita & lelaki dapat dikurangkan, kedua-dua jantina juga akan dilindungi jika diberi kesamarataan gender.” (Informan D)

*“It will have a positive impact as both gender contribute to the nation building.”* (Informan E)

*“I think it will give a positive impact to the society of Malaysia. Malaysian of different gender will learn to respect each other and feel protected under the Gender Equality Act.”* (Informan I)

“Kesamarataan gender memberi kesan positif dalam membentuk keluarga dan komuniti yg stabil dan berharmoni, mengurangkan keganasan terhadap wanita dan kanak2.” (Informan N)

Namun demikian, terdapat tiga (3) orang informan yang menyatakan bahawa kesamarataan gender sebenarnya mampu memberi impak negatif kepada masyarakat. Antara pandangan mereka ialah:

“Dengan meniru setiap perjuangan barat melalui *2nd 3rd 4th dan 5th wave feminism* tanpa mengambil kira pasak negara bangsa di Malaysia, sudah tentu idea ini merosakkan fabrik sosial negara.” (Informan C)

“Pertama, masyarakat sepatutnya didedahkan lagi tentang perbezaan *gender equality* dan *equity*, sekiranya tidak difahami dengan minda yang terbuka pasti ramai yang akan memilih *gender equality* yang seakan-akan memberi keadilan yang sebenar sedangkan perkara tersebut adalah yang sebaliknya. Tidak salah memperjuangkan keadilan dalam tingkatan sosial akan tetapi biarlah sesuai dengan keadaan sebenar seterusnya diterima dengan hati terbuka. Terlalu taksud dengan kesamarataan sehingga tidak nampak kesaksamaan gender akan

mengorbkan sistem ekonomi secara keseluruhannya.”  
(Informan F)

Hanya seorang daripada kesemua informan menyatakan bahawa kesamarataan gender boleh memberi kedua-dua impak positif dan negatif dalam pembangunan aspek sosial di Malaysia. Menurut beliau, kedua-dua gender perlu diberi peluang yang sama dan ianya adalah kesan yang positif kepada semua pihak. Namun demikian, impak negatif boleh diperolehi sekiranya hak yang dituntut oleh wanita menimbulkan rasa benci kepada kaum lelaki, sedangkan kedua-duanya mempunyai peranan penting dalam keharmonian negara. Beliau berkata:

*“Positive - Both genders are given the same resources or opportunities. Negative - Just like in many Western countries, feminism has become a form of Marxisme and extremism of being loud and hating men, which defeats the purpose. Many women are still facing inequality in many aspects of life.”* (Informan J)

Tambahan daripada itu, tiga (3) orang daripada informan tidak menyatakan secara spesifik bahawa kesamarataan gender boleh memberi impak positif atau negatif, tetapi mereka hanya memberi pandangan umum di mana kedua-dua lelaki dan wanita saling memerlukan dan solusi diperlukan bagi mengambil kira keperluan akta mahupun undang-undang yang adil bagi semua lapisan masyarakat.

Tidak dinafikan bahawa tuntutan terhadap kesamarataan gender adalah disebabkan diskriminasi yang masih terjadi ke atas wanita walaupun zaman sudah pun mencapai era moden pada abad ke-21 ini. Justeru, menurut Prof. Madya Madeline Berma (2020), terdapat empat perkara yang boleh diambil dalam menghasilkan kesaksamaan gender dalam masyarakat, iaitu merai dan mengangkat pencapaian wanita; mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap ketaksamaan gender; menghargai pengorbanan wanita; serta mengambil tindakan untuk memperkukuh kesaksamaan gender. Beliau juga menegaskan bahawa tanggungjawab yang dipikul dalam pemerksaan wanita adalah tanggungjawab semua kerana wanita adalah penyumbang terbesar kepada pembangunan ekonomi, sosial, keluarga, masyarakat dan negara.

Tambahan itu, Datuk Halimah Mohd Said (2019) berpandangan bahawa pembangunan wanita akan lebih berkesan sekiranya nilai patriarki diganti dengan sikap baru yang merangkumi nilai inklusif, saling menyokong, berkolaborasi, dan bermuafakat antara lelaki dan wanita dalam usaha membangunkan masyarakat. Ini adalah kerana setiap peranan yang dimiliki oleh kaum lelaki dan wanita adalah untuk melengkapi sistem sosial negara bagi mengelakkan diskriminasi berlaku kepada kedua-dua belah pihak. Beliau juga menegaskan bahawa salah satu usaha yang boleh diwujudkan adalah dasar neutral jantina, di mana tiada perbezaan di



antara lelaki dan wanita dalam semua aspek supaya tidak berlaku layanan istimewa untuk mana-mana pihak termasuk kaum wanita.

## PENUTUP

Secara kesimpulan, konsep 'kesamarataan gender' sering menjadi isu perdebatan dari pelbagai perspektif di dalam konteks Barat mahupun pandangan dari sisi Islam. Oleh itu, konsep tersebut wajar diolah semula dengan menggunakan pelbagai istilah lain seperti 'kesaksamaan' atau pun 'pemeriksaan' untuk menambah baik usaha yang membantu kaum wanita mendapat hak-hak mereka secara adil dan saksama. Adapun begitu, usaha bagi melindungi kaum wanita perlu diteruskan walau menggunakan apa sahaja konsep selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Ia penting bagi mengelakkan tradisi melabel kaum wanita sebagai 'kaum senyap' atau 'kaum kelas kedua' akibat amalan patriarki dan diskriminasi yang berlaku terhadap kaum wanita. Dalam masa yang sama, hak kaum lelaki juga perlu diberikan secara saksama. Walaupun dalam kaum lelaki mampu memonopoli dalam beberapa aspek, tetapi tidak dinafikan juga bahawa mereka turut berhadapan dengan ketidakadilan dan diskriminasi.

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, kesemua objektif kajian adalah tercapai di mana informan yang terlibat adalah terdiri dari pelbagai kaum dan agama, dan kesemuanya memberi pandangan terhadap konsep kesamarataan gender yang diamalkan di Malaysia. Dapatan kajian juga menemukan pandangan yang berbeza terhadap kewujudan Akta Kesaksamaan Gender (*Gender Equality Act*) di Malaysia, serta pendapat informan terhadap dua istilah yang hampir sama tetapi berbeza iaitu kesamarataan gender (*Gender Equality*) dan kesaksamaan gender (*Gender Equity*). Selain itu, kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa informan yang bersetuju bahawa kesamarataan gender mampu memberi impak yang positif dan juga negatif kepada pembangunan aspek sosial di Malaysia.

Dalam konteks kepelbagaian kaum, bangsa, dan agama di Malaysia, diskriminasi gender bukanlah berpunca daripada perbezaan etnik atau agama, sebaliknya ia lebih didorong oleh pandangan budaya tradisional yang mengukuhkan stereotaip terhadap peranan wanita dalam masyarakat. Isu perkauman tidak menjadi faktor utama dalam hal ini, kerana norma budaya yang berbeza tetap meletakkan lelaki dan wanita pada kedudukan yang sama penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab para pemimpin negara untuk memperkecilkan jurang gender yang wujud melalui dasar dan langkah strategik yang mengutamakan kesaksamaan dan keadilan bagi kedua-dua jantina. Tambahan itu, kajian seperti ini dijalankan agar pembuat dasar, aktivis, dan organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dapat mengambil inisiatif untuk merangka program berkaitan gender serta sensitif kepada kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia

Justeru, kajian ini berpandangan bahawa istilah kesamarataan gender dan kesaksamaan gender tidak seharusnya menjadi topik perbalahan kerana isu yang lebih utama untuk ditangani adalah bagaimana untuk membanteras diskriminasi serta kezaliman yang berlaku sama ada ke atas kaum wanita mahupun kaum lelaki. Seperti mana yang telah ditegaskan di dalam agama Islam, keadilan adalah asas kepada keharmonian hidup bermasyarakat, dan setiap individu berhak menuntut hak yang saksama tanpa mengira gender, agama, status sosial dan taraf kewarganegaraan. Diskriminasi harus dikikis demi menjamin kehidupan yang sejahtera.

## PENGHARGAAN

Kajian adalah sebahagian dari geran penyelidikan yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah geran: USIM Grant Challenge (PPPI/UGC\_0119/FPQS/051000/12719).

## RUJUKAN

- A. Harris, K. M., & Muhtar, A. (2019). Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 21(2), 33–74. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol21no2.2>
- Abdullah, A. (2012). Literatur dan Kajian Tentang Gender di Malaysia sejak 1980 hingga Dekad 2000an. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 27–35.
- Abdullah, R., Ali, A., & Hamid, S. A. (2015). Gender Equality, Islam, and Law. *Journal of Oriental Studies*, 20–36.
- Abur Hamdi Usman & Nurhidayah Ramlee. (2020). Konsep Kesamarataan Gender: Tinjauan Semula Kedudukan Wanita Menurut Perspektif Islam. In *Diskusi Akademia Pengajian Islam Semasa*, 121-133. Kajang: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).
- Abendroth, AK. (2014). Gender Equality. In: Michalos, A.C. (eds) *Encyclopedia of Quality of Life and Well-Being Research*. Springer, Dordrecht. [https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5\\_1129](https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_1129)
- Abidin, Z. (2017). Kesetaraan Gender dan Emansipasi Perempuan dalam Pendidikan Islam. *Tarbawiyah Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 12(01), 1–17.
- Afroz Ahmad Bisati. (2018). A Peep Into The Concept Of Gender Equality In Islam. *IMPACT: International Journal of Research in Humanities, Arts and Literature*, 6(8), 365-372.
- Ainul Iliia. (2018). Akta Kesaksamaan Jantina perlu ada sekatan: WAFIQ. *Isma Web*. <https://www.ismaweb.net/2018/08/17/akta-kesaksamaan-jantina-perlu-ada-sekatan-wafiq/> (Diakses pada 24 Ogos 2021)

- Arafa, M., & El-Ashry, A. (2018). Gender Equality in the Arab and Muslim World. In *Gender Equality in a Global Perspective*, 54–76. United Kingdom: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315639505-3>
- Badawi, J. (1995). *Gender Equity in Islam: Basic Principles*. United States: American Trust Publications.
- Bayefsky, A. F. (2018). The Principle of Equality Ornon-Discrimination in International Law. In *Equality and Non-Discrimination under International Law*, 71–104. United Kingdom: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315094410-6>
- Bernama. (2018). Governmentt Formulating Gender Equality Bill for Women - DPM. *New Straits Time* (3 December 2018). <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/12/436784/govt-formulating-gender-equality-bill-women-dpm> (Diakses pada 1 Mei 2022)
- Bernama. (2019). WAO urges Government to Enact Gender Equality Law. *The Edge Market*. <http://www.theedgemarkets.com/article/wao-urges-government-enact-gender-equality-law> (Diakses pada 1 Mei 2022)
- Bernama. (2022). Penglibatan wanita dalam politik masih rendah, gesa diberi ruang. *Sinar Harian* (8 Mac 2022). <https://www.sinarharian.com.my/article/191765/berita/nasional/penglibatan-wanita-dalam-politik-masih-rendah-gesa-diberi-ruang> (Diakses pada 27 September 2022)
- CEDAW. (2004). Convention on the Elimination of Discrimination against Women. Combined initial and second periodic reports of States parties: Malaysia. *UN Doc. CEDAW/C/MYS/1-2*.
- Christina Andin & Fredelis Stephen. (2010). *Kekurangan Pelajar Lelaki Menceburi Profesion Perguruan Sebagai Kerjaya: Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia, 1-11. (Unpublished)
- Fatin Nabillah M. B, Hasanah A. K., Zulkefli A. (2018). Penyebaran Pemikiran Berkaitan Akidah dalam Laman Sesawang Sisters in Islam (SIS). *Al-Hikmah*, 10(2), 95-109.
- Fredman, S. & Goldblatt, B. (2015). Gender Equality and Human Rights. *UN Women Discussion Papers*, <https://doi.org/10.18356/e50499ba-en>
- Halimah, M. S. (2019). Menyedarkan Kaum Lelaki, Memperkasakan Kaum Wanita. (2019). *Astro Awani* (11 Mac 2019). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/menyedarkan-kaum-lelaki-memperkasakan-kaum-wanita-200747> (Diakses pada 15 Ogos 2022)
- Husein, S., Herdiansyah, H., & Putri, L. G. S. (2021). Allocation To Gender Empowerment Towards Gender Equality Of Sustainable Development Goals. *The 1<sup>st</sup> Journal of Environmental Science and Sustainable Development Symposium*. Jakarta, Indonesia. 28-30 September 2020. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/716/1/012096>

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Press Release Current Population Estimates, Malaysia, 2022. *Department of Statistics Malaysia Official Portal*. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul\\_id=dTZXanV6UUdyUEQ0SHNWVhpSXNMUT09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=155&bul_id=dTZXanV6UUdyUEQ0SHNWVhpSXNMUT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09) (Diakses pada 1 Julai 2022)
- Kumar, K. (2016). Minister now says Gender Equality Act in the works. *The Malay Mail* (2 November 2016). <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/11/02/minister-now-says-gender-equality-act-in-the-works/1241171> (Diakses pada 15 Julai 2019)
- Khalif Muammar & Adibah. (2019). Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam & Barat, *Afkar*, 21(2), 33-74.
- Madeline Berma. (2020). Kesaksamaan Gender Tanggungjawab Semua. *Berita Harian Online* (8 Mac 2020). <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/03/663102/kesaksamaan-gender-tanggungjawab-semua> (Diakses pada 21 Julai 2022)
- Milanovic, B. (2006). Inequality and determinants of earnings in Malaysia, 1984-1997. *Asian Economic Journal*, 20(2), 191-216.
- Mokhtar, R. H. (2021). Mengapa Kita Sangat Berhati-Hati Dengan Akta Kesamarataan Gender? *WAFIQ*. <https://wafiq.my/2021/03/04/mengapa-kita-sangat-berhati-hati-dengan-akta-kesamarataan-gender/> (Diakses pada 20 September 2022)
- Mokhtar, R. H. (2018). Takrifan jantina mesti ikut biologi seks. *Berita Harian* (5 Disember 2018). <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/12/505446/takrifan-jantina-mesti-ikut-biologi-seks> (Diakses pada 1 Julai 2019)
- Morton, S., Pencheon, D., & Squires, N. (2017). Sustainable Development Goals (SDGs), and their Implementation. *British Medical Bulletin*, 124(1), 81–90. <https://doi.org/10.1093/bmb/ldx031>
- Muhammad Hamnan, H. (2022). Kesedaran Kesamarataan Jantina Semakin Meningkatkan: Kajian. *Sinar Harian Online* (8 Ogos 2022). <https://www.sinarharian.com.my/article/215416/berita/nasional/kesedaran-kesamarataan-jantina-semakin-meningkat-kajian> (Diakses pada 26 September 2022)
- Nadzrah Ahmad & M. H. Ishak. (2018). Gender Equality from The Quranic Perspective. *Proceedings of the 6TH International Prophetic Heritage Conference (SWAN 2018)*. Nilai: Penerbit USIM.
- Nordin Hussin, Rahlah Omar & Siti Fathihah Abd Latif. (2012). Penyertaan Ekonomi Wanita Melayu dalam Zaman Kesultanaan Melayu: Permulaan bagi Sebuah Perjuangan dalam Ekonomi. *Akadmika*, 82(2), 55-68
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. (2017). Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013).

*Akademika*, 87(3), 63-75.

- Nur Azwani Mansor@Noodin. (2020). Perbezaan Sosialisasi Gender dalam Ruang Lingkup Budaya. *Rabbanica*, 1(1), 1017-118.
- Nur Saadah H., Khadijah M., Norzulaili M.G., & Suraya S. (2021). Evaluating the Concept of Gender Equality in the Islamic Perspective and SDG: An Analysis. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 149 - 166.
- Othman, N. (2006). Muslim Women and the Challenge of Islamic Fundamentalism/Extremism: An Overview of Southeast Asian Muslim Women's Struggle for Human Rights and Gender Equality. *Women's Studies International Forum*, 29, 339–353. <https://doi.org/10.1016/j.wsif.2006.05.008>
- Rahmawati Mohd Yusoff, Nadzrah Ahmad, Alizah Ali, Noraini Ismail, Ira Rozana Mohd Asri. (2021). Analisa Terhadap Faktor-Faktor Isu Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita dalam Sektor Ekonomi di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(22), 261-275.
- Siraj, H. H. (2015). Kesaksamaan & Persamaan Gender: Pro dan Kontra dari Perspektif Sosial & Agama. In *Sumber R&D : September 2015 : Kesaksamaan & Persamaan Gender Menurut Perspektif Sosial dan Agama Jabatan* (Issue September).
- Tienxhi, J. Yong. (2017). The Gender Gap in Malaysian Public Universities: Examining the 'Lost Boys'. *Journal of International and Comparative Education*, 6(1), 1-16.
- The Sun Daily. (2018). Set timeline for Gender Equality Act: WAO. *The Sun Daily* (10 Mac 2018). <https://www.thesundaily.my/archive/set-timeline-gender-equality-act-wao-GUARCH531497> (Diakses pada 17 Disember 2021)
- Tong, R.P. & Botts, T.F. (2017). *Feminist Thought: A More Comprehensive Introduction*. (5th ed.). New York: West View Press.
- United Nation. (2015). *Transforming our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development*. [https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/21252030\\_Agenda\\_for\\_Sustainable\\_Development\\_web.pdf](https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/21252030_Agenda_for_Sustainable_Development_web.pdf) (Diakses pada 15 Oktoberr 2021)
- UNICEF. (2017). *Glossary of Terms and Concepts*. Nepal: UNICEF Regional Office for South Asia. <https://www.unicef.org/rosa/media/1761/file/Gender%20glossary%20of%20terms%20and%20concepts%20.pdf> (Diakses pada 20 September 2022)
- WAO. (2017). Main elements of JAG's proposed Gender Equality Act for Malaysia. <https://wao.org.my/wp-content/uploads/2018/11/JAG-Policy-Brief-May-2017-Main-Elements-of-GEA.pdf> (Diakses pada 9 Mac 2022)
- WAO. (2020). More than 50% of Malaysian Women Experienced Gender Discrimination in the Workplace. <https://wao.org.my/more-than-50-of-malaysian-women-experienced-gender-discrimination-in-the-workplace/> (Diakses pada 29 September 2022)

- World Economic Forum. (2022). *The Global Gender Gap Report 2022*. <https://www.weforum.org/reports/global-gender-gap-report-2022/> (Diakses pada 9 September 2022)
- Zaiton Othman & Nooraini Othman. (2015). A Literatural Review on Work Discrimination among Women Employees. *Asian Social Science*, 11(4), 26-32.